

## Bab 7

### Pengaruh Bahasa Thai ke atas Bahasa Melayu Dialek Patani

#### 7.1 Pengenalan

Berlainan daripada pengaruh bahasa Inggeris terhadap bahasa Melayu di Malaysia, yang pada hemat pengkaji, disebabkan oleh aspek mental yang mengagung-agungkan budaya Barat, pengaruh bahasa Thai terhadap bahasa Melayu di Patani pula disebabkan oleh keadaan masyarakat. Dari satu sudut, keadaan masyarakat ini disebabkan oleh sikap kerajaan Thai yang dengan giat melaksanakan dasar asimilasi terhadap golongan minoriti dalam negaranya termasuk bangsa Melayu, seperti yang telah dijelaskan dalam **Bab 5**. Sekiranya seseorang menolak bahasa Thai, dia tidak akan berpeluang untuk memajukan diri di negaranya sendiri, baik dari segi pendidikan maupun dari segi pekerjaan. Pendek kata, bahasa Thai menjadi syarat utama untuk hidup dengan baik dalam masyarakat Thai. Tidak menguasai bahasa Thai bererti gagal dalam sistem pendidikan. Akibatnya, dia akan hilang kebanyakan peluang pekerjaan, kecuali bekerja sebagai buruh atau petani, nelayan, dan seumpamanya.

Dalam bab ini pengaruh bahasa Thai terhadap bahasa Melayu ditinjau secara khusus. Sebelum tinjauan terhadap hal ini, ditinjau peringkat pendedahan kepada bahasa Thai bagi orang Melayu di Thailand. Hal ini penting dalam wacana kajian ini kerana pendedahan terhadap bahasa Thai menentukan tahap pengaruhnya terhadap bahasa Melayu bagi seseorang penutur. Tinjauan terhadap pengaruh bahasa Thai ke atas bahasa Melayu pula dibahagikan kepada dua peringkat. Yang pertama ialah

peringkat permukaan; pengaruh pada peringkat ini terdapat pada kata-kata pinjaman daripada bahasa Thai yang amat banyak jumlahnya. Peringkat kedua ialah peringkat dalaman, iaitu pengaruh bahasa Thai terhadap sistem penghasilan bahasa Melayu sehingga penutur dialek Patani menghasilkan ungkapan-ungkapan bahasa Melayu yang susunannya amat berdekatan dengan bahasa Thai. Akhir sekali dijelaskan sistem penghasilan *parole* atau susunan *langue* yang dimiliki oleh penutur dialek Patani.

## 7.2 Peringkat Pendedahan Kepada Bahasa Thai


Pendedahan terhadap bahasa Thai boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat. Antara mereka yang berjati diri Melayu, yang paling terdedah kepada bahasa Thai ialah orang yang berpendidikan Thai, bekerja dalam kerajaan atau syarikat Thai, dan bermastautin di kawasan bandar. Bagi golongan ini peluang untuk menggunakan bahasa Melayu amat sedikit; sebaliknya bahasa Thai memenuhi fungsi-fungsi yang penting. Begitu juga kanak-kanak yang tinggal di kawasan bandar lebih terdedah kepada bahasa Thai. Sebaliknya, orang Melayu yang paling kurang terdedah kepada bahasa Thai ialah orang yang berpendidikan tradisional (pondok), bekerja sendiri sebagai petani, nelayan, pekedai dan seumpamanya, dan bermastautin di kawasan kampung. Kanak-kanak di kampung pula, sekiranya keluar daripada pintu sekolah, tidak berpeluang untuk menggunakan bahasa Thai. Bagi mereka peluang untuk menggunakan bahasa Thai amat terhad. Dalam kehidupan di kampung yang kadar orang Melayunya amat tinggi (kerana kebanyakan orang Thai bermastautin di kawasan bandar), bahasa Thai tidak ada tempat untuk digunakan. Kehidupan di

kampung boleh diuruskan tanpa bahasa Thai. Walaupun begitu, para penghuni juga tetap terdedah kepada bahasa Thai menerusi media massa.

Dengan demikian, pendedahan terhadap bahasa Thai bergantung kepada berbagai-bagai faktor, seperti kawasan kediaman, pendidikan, pekerjaan, media massa dan seumpamanya.

**Jadual 7.1 Perhubungan antara Latar Belakang Peribadi dengan Pendedahan Terhadap Bahasa Thai**

Faktor	Pendedahan Kepada Bahasa Thai	
	Tinggi	Rendah
Kawasan Kediaman	bandar	kampung
Pendidikan	pendidikan Thai	pendidikan tradisional
Pekerjaan	kerajaan, syarikat	kerja sendiri



Secara umum, boleh dikatakan bahawa setelah sistem pendidikan Thai diwajibkan kepada orang Melayu, masalah buta huruf bahasa Thai semakin menghilang, dan kini golongan muda hingga pertengahan umur dapat menggunakan bahasa Thai dengan amat baik. Golongan muda dan pertengahan umur, serta golongan tua yang berpendidikan Thai merupakan golongan dwibahasa. Tahap penguasaan bahasa keduanya (bahasa Thai) juga berbagai-bagai peringkat. Sekiranya penutur berkenaan cuma tamat pengajian di peringkat yang paling minimum, iaitu Darjah 4

sekolah rendah, kemampuannya agak terhad. Kebolehan penulisannya<sup>1</sup> kurang mahir, bunyi percakapannya dipengaruhi oleh telor Melayu (Patani) dengan jelas. Walaupun begitu, secara umumnya golongan ini juga dapat berkomunikasi dalam bahasa Thai basahan dan dapat mengikuti rancangan televisyen (seterusnya TV) serta membaca surat khabar.

Golongan pelajar menengah yang mengikuti mata pelajaran aliran akademik mempunyai kemahiran bahasa Thai yang tinggi. Bagi golongan yang menuntut di universiti atau kolej juga kemampuan bahasa Thai yang diperlukan amat tinggi, kerana kuliahnya disampaikan dalam bahasa Thai sepenuhnya, dan penilaianya (seperti peperiksaan atau kerja-kerja lain) juga berdasarkan bahasa Thai. Golongan ini dapat menggunakan bahasa Thai sepenuhnya dalam hampir semua segi, cuma tinggal pengaruh bunyi bahasa Melayunya dalam percakapan. Orang dewasa yang bekerja dalam syarikat atau kakitangan kerajaan juga perlu menguasai bahasa Thai dengan baik. Bagi syarikat-syarikat modal Melayu juga (walaupun jumlahnya terhad dan skalanya kecil) kemahiran bahasa Thai amat diperlukan, kerana surat yang dihantar kepada pihak berkuasa, seperti pejabat-pejabat kerajaan tempatan, perlu ditulis dalam bahasa Thai, dan para pelanggan tidak semestinya terdiri daripada orang Melayu sahaja.

Dengan demikian, kedua-dua golongan ini, iaitu golongan pelajar dalam sistem pendidikan Thai (peringkat atas daripada menengah) dan orang dewasa yang

<sup>1</sup> Sistem tulisan bahasa Thai jauh lebih rumit berbanding dengan bahasa Melayu bertulisan Rumi, yang secara prinsipnya mengeja sebagaimana yang disebut. Dalam bahasa Thai pula, walaupun boleh menyebut sebagaimana yang dieja, tidak semestinya dapat mengeja sebagaimana yang disebut, kerana beberapa bunyi mempunyai lebih dari dua huruf. Selain itu, ada huruf mati, iaitu huruf yang dieja, tetapi tidak disebut. Untuk menguasai kemahiran ini mengambil masa yang agak lama. Perkara ini ditekankan dalam pengajaran bahasa Thai di sekolah rendah.

bekerja dalam syarikat atau kerajaan merupakan golongan dwibahasa yang mempunyai kemahiran dalam bahasa kedua yang amat tinggi, malah ada yang kemahiran bahasa Thainya lebih tinggi daripada bahasa Melayu. Hal ini kerana pendedahannya terhadap bahasa Melayu terhad kepada bidang-bidang penggunaan tertentu seperti percakapan biasa di rumah atau dengan teman-teman serta situasi jual-beli di pasar sahaja; hal-ehwal yang berkaitan dengan pekerjaan atau pelajaran tidak dapat dibincangkan dengan baik dalam bahasa Melayu sahaja. Dalam percakapannya unsur-unsur bahasa Thai selalunya diselitkan pada semua peringkat, bermula daripada kata pinjaman hingga ke peringkat peralihan kod.

Di sini perlu diambil perhatian mengenai kelainan bahasa Thai yang dikuasai oleh orang Melayu Patani secara umum. Dari segi geografi, kawasan ini merupakan kawasan dialek bahagian selatan, yang sifatnya berlainan daripada kelainan baku yang digunakan di sekitar kawasan ibu kota. Walaupun begitu, oleh sebab kadar orang Thai di wilayah ini tidak ramai dan kebanyakannya bermastautin di kawasan bandar, orang Melayu, yang kebanyakannya bermastautin di kawasan kampung, tidak berpeluang untuk menguasai dialek selatan, melainkan kelainan baku, kelainan yang diajar di sekolah dan digunakan dalam media massa (lihat **Bab 4**).

Kesimpulannya, kadar kedwibahasaan orang Melayu Patani bergantung kepada latar belakang peribadi, yang mempengaruhi pendedahannya terhadap bahasa Thai. Semakin kerap pendedahannya kepada bahasa Thai, semakin tinggilah penguasaan bahasa Thai. Walau bagaimanapun, apa yang berlaku di Thailand selatan ialah bukan sekadar pertembungan bahasa, malah boleh disifatkan sebagai pergeseran bahasa. Oleh itu, penguasaan bahasa Thai yang tinggi tidak bermaksud bahawa

penutur berkenaan akan menjadi dwibahasa seimbang, malah beralih kepada ekabahasa (bahasa Thai) atau dwibahasa yang tak sempurna, yang bahasa Melayunya amat lemah.

### **7.3 Peringkat Pengaruh Bahasa Thai**

Pengaruh bahasa Thai terhadap dialek Patani pula boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat. Secara kasar, pengaruhnya terdapat pada dua lapisan, iaitu pengaruh bahasa Thai pada lapisan permukaan serta pengaruh pada lapisan dalaman. Apa yang dimaksudkan dengan pengaruh pada lapisan permukaan ialah pengambilan unsur bahasa Thai dalam bentuk yang boleh dikenal pasti sumbernya. Kata-kata pinjaman yang amat banyak jumlahnya boleh digolongkan sebagai pengaruh permukaan. Pengaruh pada lapisan dalaman pula bermaksud pengaruh daripada bahasa Thai yang tidak terdapat pada lapisan permukaan, sebaliknya terdapat pada susunan kata atau susunan ayat bahasa Melayu dialek Patani. Pengaruh lapisan dalaman ini tidak dapat dikenal pasti daripada bentuknya sahaja, kerana bentuk permukaannya terdiri daripada unsur-unsur bahasa Melayu. Tetapi sekiranya diselidiki bentuk kata (kata majmuk) atau susunan ayat, terdapat beberapa ciri tertentu yang jelas menunjukkan pengaruh daripada bahasa Thai.

Dua jenis pengaruh tersebut, iaitu permukaan dan dalaman, masing-masing boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Tentang pengaruh permukaan, iaitu kata-kata pinjaman, terdapat pada dua bentuk. Bentuk pertama ialah bentuk yang telah diasimilasikan dengan sistem bunyi dialek Patani. Kata-kata demikian kedengaran

seolah-olah kata-kata bahasa Melayu, tetapi tidak terdapat dalam mana-mana dialek bahasa Melayu di tempat lain. Jenis yang kedua ialah unsur yang diambil tanpa bentuknya diasimilasikan bunyi dialek Patani, melainkan bunyi bahasa Thai diambil tanpa sebarang perubahan. Sebenarnya antara kedua-dua jenis, terdapat satu lagi peringkat yang boleh dianggap sebagai peringkat pertengahan, yang sedikit diasimilasikan dengan dialek Patani, tetapi masih mengekalkan ciri-ciri bahasa Thai. Taraf pengasimilasian sesuatu perkataan Thai dengan dialek Patani pula, nampaknya, bergantung kepada kemahiran penutur bahasa Thai. Sekiranya kemahiran bahasa Thainya tinggi, bunyi perkataan pinjaman juga disebut mengikut hukum bunyi bahasa Thai. Sebaliknya, penutur yang berkemahiran rendah dalam bahasa Thai pula menyebut kata-kata pinjaman bahasa Thai dengan bunyi yang bersifat kemelayuan.

Pengaruh dalaman pula boleh dilihat pada peringkat pembentukan kata-kata majmuk dan peringkat susunan ayat (sintaksis). Untuk mengungkapkan konsep-konsep baharu, masyarakat Melayu Patani tidak bergantung kepada bahasa Thai sepenuhnya (walaupun kadarnya amat tinggi). Sebaliknya, mereka juga dapat membentuk kata-kata baharu untuk konsep-konsep baharu, terutamanya dalam bentuk kata majmuk. Tetapi kata-kata majmuk baharu ini (yang tidak terdapat dalam dialek lain) sebenarnya merupakan hasil daripada peminjaman terjemah (*loan-translation*) daripada bahasa Thai. Pengaruh dalaman yang lebih mendalam ialah pengaruh bahasa Thai pada peringkat pembentukan ayat. Secara kasar, tidak dapat dinafikan bahawa dialek Patani (dan juga dialek Kelantan) mempunyai beberapa ciri tersendiri dalam susunan ayat yang amat mirip dengan bahasa Thai. Hukum susunan ayat ini tidak terdapat pada mana-mana dialek lain. Di samping itu, dialek Patani juga mempunyai beberapa ciri tersendiri pada hukum pembentukan ayatnya, dan kecenderungan ini

tidak terdapat pada dialek Kelantan. Perbincangan di atas disimpulkan dalam rajah 7.2 di bawah.

**Jadual 7.2 Peringkat Pengaruh Bahasa Thai terhadap Dialek Patani**

Jenis Pengaruh	Tempat yang dipengaruhi	Peringkat
Pengaruh permukaan	Kata Pinjaman <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bentuk diasimilasikan</li> <li>• Bentuk asal bahasa Thai</li> </ul>	Kosa kata
Pengaruh dalaman	Pembentukan kata majmuk Susunan ayat	Sistem berbahasa

Dalam bahagian seterusnya, pada mulanya dibincangkan pengaruh permukaan yang berbentuk kata pinjaman. Seterusnya beralih kepada pengaruh dalaman, iaitu yang berkaitan dengan sistem berbahasa.

### 7.3.1 Pengaruh Permukaan

Kata pinjaman daripada bahasa Thai yang terdapat dalam dialek Patani amat banyak jumlahnya. Ruang ringkup juga berbagai-bagai dan merangkumi banyak aspek kehidupan. Walaupun begitu, golongan katanya agak terhad. Hal ini agak berlainan daripada unsur bahasa Inggeris yang diambil secara tak rasmi dalam bahasa Melayu basahan, yang merangkumi hampir seluruh golongan kata. Kebanyakan kata pinjamannya terdiri daripada kata nama, dan diikuti oleh sedikit kata kerja serta kata sifat. Kata-kata tugasnya hampir tidak diambil daripada bahasa Thai, sebaliknya unsur dialek Patani tetap digunakan. Kata-kata tugas bahasa Thai digunakan dalam ungkapan yang bersifat peralihan kod sahaja.

### 7.3.1.1 Kata Pinjaman yang berkaitan dengan Sistem Pemerintahan dan Dasar

Menurut Worawit Baru @ Ahmad Idris (1999b : 6), pengaruh bahasa Thai ekoran daripada pelaksanaan dasar pentadbiran pemasukan Thai memberi kesan kepada bahasa Melayu pada tiga aspek, iaitu:

1. Pengaruh bahasa Thai dalam istilah-istilah pangkat kebesaran
2. Pengaruh bahasa Thai dalam nama-nama tempat
3. Pengaruh bahasa Thai terhadap nama-nama manusia

Mengenai perkara 2 dan 3, telah dijelaskan dalam **Bab 5** dalam konteks pengaruh dasar kerajaan terhadap bahasa Melayu Patani. Dengan adanya nama-nama bahasa Thai pada nama tempat sendiri atau pada nama diri sendiri (terutamanya nama keluarga), dianggarkan bahawa lama-kelamaan penamaan ini akan menimbulkan kesedaran sebagai warganegara Thai di kalangan masyarakat Melayu Patani.

Tentang perkara 1, pengambilan istilah-istilah jenis ini disebabkan oleh sistem pemerintahan yang berlainan daripada dunia Melayu yang lain, yang kini membentuk negaranya masing-masing. Empat wilayah sempadan selatan Thai yang di bawah naungan kerajaan Thai tidak mempunyai pemerintahnya sendiri. Ekoran itu, nama-nama pangkat kebesaran dan nama-nama jawatan yang digunakan, baik di Malaysia mahupun di Indonesia, Brunei dan juga masyarakat Melayu Singapura, tidak difahami oleh masyarakat Melayu Patani secara umum. Akibatnya, mereka mengambil istilah-istilah demikian daripada bahasa Thai. Bukan sahaja nama-nama pangkat kebesaran serta jawatan-jawatan kerajaan, malah nama-nama institusi kerajaan juga diambil

daripada bahasa Thai, baik nama-nama pejabat kerajaan (dari peringkat kementerian sehingga pejabat daerah, dengan kata lain, semua peringkat pentadbiran) maupun nama-nama pertubuhan.

Berikutan dengan itu, nama-nama peringkat daerah mengikut sistem pentadbiran Thai juga diambil daripada bahasa Thai. Tetapi di sini terdapat satu perbezaan yang menarik. Sistem peringkat pembahagian daerah Thailand terdiri daripada wilayah, daerah, mukim dan kampung. Di samping itu, sebagai alamat surat, ditambah nama-nama jalan yang berdekatan. Peringkat yang diambil istilah Thai ialah peringkat yang tinggi, iaitu wilayah serta daerah sahaja. Sebaliknya, di peringkat yang lebih kecil dari itu, iaitu mukim dan kampung serta jalan, masing-masing digunakan istilah bahasa Melayu bentuk dialek Patani, iaitu /muken/, /kapun/ dan /jale/. Hal ini mungkin kerana peringkat kampung dan mukim amat dekat dengan kehidupan orang-orang Melayu yang kebanyakannya bermastautin di kawasan kampung. Para ketua di peringkat ini juga terdiri daripada orang Melayu. Sebaliknya, peringkat daerah dan peringkat wilayah pula diuruskan oleh kerajaan pusat, dan jarak dari segi mental agak jauh daripada orang-orang kampung. Dengan demikian, masyarakat Melayu Patani menggunakan istilahnya sendiri pada peringkat pentadbiran yang berdekatan dengan diri mereka sendiri, sebaliknya menggunakan kata pinjaman bahasa Thai untuk peringkat yang agak jauh daripada kehidupan mereka.

**Jadual 7.3 Contoh Kata Pinjaman Bahasa Thai yang berkaitan dengan Jawatan serta Sistem Pemerintahan**

<b>Sebutan dalam BT</b>	<b>Sebutan dalam DP</b>	<b>Maksud</b>
Nama-nama Jawatan		
/na:yōk/	/nayo?/	perdana menteri
/pʰū:wā:/	/puwa/	gabenor
/pʰū:tʰen/	/puteŋ/	wakil rakyat
/sɔ:sɔ:/	/sɔsɔ/	ahli parlimen
Nama-nama Institusi Kerajaan		
/ampʰə:/	/apu/	pejabat daerah
/praisani:/	/praisani/	pejabat pos
/sā:n/	/sə/	mahkamah
/sapʰa:/	/sapa/	parlimen
Nama-nama Kawasan Pentadbiran		
/ampʰə:/	/apu/	daerah
/cajwàt/	/cajwa?/	wilayah

Pembagian yang demikian juga terdapat pada nama-nama bulan dan hari dalam seminggu. Bagi nama-nama hari dalam seminggu, istilah yang sedia ada, iaitu kata pinjaman daripada bahasa Arab, tetap digunakan. Sebaliknya, bagi nama-nama bulan dalam setahun, yang mengikut sistem kalendar Barat, kata pinjaman daripada bahasa Thai pula digunakan. Seperti keadaan di Malaysia, dalam hal ehwal keagamaan, di Patani juga nama-nama bulan mengikut kalendar Hijrah tetap digunakan. Perbezaan nama-nama bulan antara dialek Patani dengan bahasa Melayu di dunia Melayu induk melambangkan perbezaan jejak sejarah yang dialami oleh masyarakat penutur kedua-dua dialek ini.

Selain itu, berhubung dengan perbezaan sistem pemerintahan, istilah yang digunakan dalam sistem pendidikan juga turut mengikuti sistem pendidikan Thai yang berteraskan bahasa Thai. Oleh itu, istilah-istilah tertentu yang berkaitan dengan sistem pendidikan juga turut diambil daripada bahasa Thai (Worawit Baru @ Ahmad Idris,

1999a : 217-218). Secara kasar jenis istilah ini boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu nama-nama jawatan dalam sekolah dan istilah sistem pendidikan. Tentang istilah-istilah yang digunakan dalam sistem pendidikan rendah dan menengah yang masih terdapat sekolah-sekolah swasta yang mengekalkan ciri-ciri tradisional, terdapat beberapa istilah bahasa Melayu (misalnya ‘tok guru’, ‘tadika’ dan sebagainya). Tetapi dalam sistem pendidikan Thai, istilahnya seratus peratus diambil alih oleh bahasa Thai. Bermula daripada nama-nama mata pelajaran, jawatan, kemudahan sekolah, kesemuanya diungkapkan dengan bahasa Thai.

**Jadual 7.4 Contoh Perkataan Kata Pinjaman yang berkaitan dengan Sistem Pendidikan**

Sebutan dalam BT	Sebutan dalam DP	Maksud
Nama-nama Jawatan		
/k <sup>h</sup> ru:, a:ca:n/	/kru:, aca/	guru, ustaz
/k <sup>h</sup> ru:yai/	/kru:yai/	mudir
/pū:catka:n/	/pucatka/	pengetua
Istilah Sistem Pendidikan		
/?è:k/	/?e?/	jurusan
/pra?c <sup>h</sup> um/	/pa?cuŋ/	mesyuarat
/?oprom/	/?obron/	kursus
/parinya: tri:/	/paringga tri/	sarjana muda
/lāksu:t/	/la?su?/	kurikulum
/wic <sup>h</sup> a:/	/wica:/	mata pelajaran
Nama-nama Institusi		
/mahā:wittayalai/	/mahalai/	universiti
?a:ciwa?/	?aciwa?/	sekolah vokasional

Selain aspek-aspek yang diterangkan di atas, masih terdapat beberapa bidang tertentu yang mengambil istilah bahasa Thai, seperti politik, ekonomi, sains dan teknologi dan sebagainya.

### 7.3.1.2 Kata Pinjaman dalam Aspek Kehidupan

Di samping kata-kata yang berkaitan dengan sistem pemerintahan dan pendidikan dan konsep-konsep yang berkaitan dengannya, masyarakat Melayu Patani juga mengambil kata pinjaman daripada bahasa Thai untuk mengungkapkan hal-hal yang berhubung dengan kehidupan sendiri. Misalnya, kebanyakan barang elektronik diungkapkan dengan kata pinjaman. Barang elektronik yang diungkapkan dengan perkataan Melayu asli mungkin “pelita” yang digunakan untuk lampu elektronik sahaja. Selain itu terdapat beberapa kata pinjaman dari bahasa Inggeris. Tetapi kebanyakan barang elektronik, terutamanya ciptaan-ciptaan baharu diungkapkan dengan bahasa Thai. Untuk sesetengah barang, misalnya untuk telefon, kata pinjaman diambil dari dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Thai.

#### Jadual 7.5 Istilah Untuk Barang Elektronik

Bunyi dalam DP	Bentuk Asal	Maksud
Penggunaan Perkataan Melayu Asli		
/api/	api	elektrik
/pelito/	pelita	lampu
Kata Pinjaman daripada Bahasa Inggeris		
/rediyu/	radio	radio
/talipon/	telephone	telefon
/wideo/ <sup>2</sup>	video	video
Kata Pinjaman daripada Bahasa Thai		
/faifa/	/faifa:/	elektorik
/torata?/	/t <sup>h</sup> o:rat <sup>h</sup> at/	televisyen
/torasa?/	/t <sup>h</sup> o:rasap/	telefon
/tuyen/	/tû: yen/	peti sejuk

Nama-nama tempat atau bangunan yang digunakan dalam kehidupan seharian juga ada yang diambil daripada bahasa Thai. Sesetengahnya dipanggil dalam bentuk

<sup>2</sup> Perkataan ini diambil melalui bahasa Thai.

kata nama khas, misalnya untuk panggung wayang, dipanggil dengan nama khasnya, seperti *Paradais Pattani*, *Rama Pattani* dan sebagainya. Oleh itu, kata nama am untuk panggung wayang tidak digunakan. Nama-nama tempat yang diambil daripada bahasa Thai juga amat banyak jumlahnya. Di bawah disenaraikan beberapa contoh.

#### **Jadual 7.6 Contoh Kata Pinjaman Nama-nama Tempat**

Bunyi dalam DP	Bentuk dalam BT	Maksud
/tanakan/	/tʰana:kʰa:n/	bank
/ron ɲan/	/ro:ŋ ɲa:n/	kilang
/ron reŋ/	/ro:ŋ re:m/	hotel
/toruŋ/	/to:rʊŋ/	pasar malam tetap

Nama-nama makanan dan minuman yang dijual di kedai biasanya disebut mengikut bahasa Thai. Berikut ialah contoh perbualan antara orang di kedai makan dengan pengguna;

#### *Semasa memesan makanan*

- Pelayan : /make gapɔ/  
                  (makan apa?)
- Pengguna A : /kai ya? sai sɔ, demo make gapɔ/  
                  (nasi telur bungkus satu. kau makan apa?)
- Pengguna B : /kuai tiaw nam sɔ/  
                  (kuai tiaw sup satu)
- Pelayan : /ai gapɔ/  
                  (air apa?)
- Pengguna B : /cʰa yen sɔ./  
                  (teh ais satu.)
- Pengguna A : /cʰa rɔŋ sɔ/  
                  (teh panas satu.)
- Pelayan : /make 'sini kɔ sai hɔ?/  
                  (makan di sini atau bungkus?)
- Pengguna A : /make 'sining/  
                  (makan di sini)

Tentang nama-nama makanan, walaupun sesetengah jenis makanan, seperti daging merah, telur bungkus, sayur goreng, nasi goreng dan sebagainya, ada padanannya dalam dialek Patani; di kawasan bandar nama-nama bahasa Thai lebih gemar digunakan. Begitu juga nama-nama minuman. Tetapi pengaruh bahasa dari segi makanan tidaklah bersifat sehala. Ekoran daripada interaksi budaya yang berpemangkin makanan, di sini perlu dimaklumkan bahawa dialek Patani juga mengekalkan beberapa nama-nama makanan untuk bahasa Thai, seperti roti (/ro:tɪ:/), martaba (/ma:ta:ba/), keropok (/kopo/), ayam golek (/kai/ (perkataan Thai yang bermaksud ayam) ko:lek/) dan sebagainya.

### 7.3.1.3 Peminjaman Kata Majmuk

Antara unsur pinjaman dalam dialek Patani, terdapat sejumlah besar istilah yang dipinjam dalam bentuk kata majmuk atau dalam bentuk frasa. Dalam hal ini, oleh sebab pertalian antara kedua-dua unsur amat erat, lalu istilah tersebut diambil secara bulat-bulat tanpa dipisahkan. Di bawah ini disenaraikan beberapa contoh:

**Jadual 7.7 Contoh Peminjaman Kata Majmuk**

Bentuk dalam DP	Bentuk Asal dan Maksud
/kɔ muŋ/	/kʰɔ: mu:n/, terdiri daripada “perkara” dan “kumpul” digunakan untuk maksud “bahan (penyelidikan)”
/lon tabian/	/lon tabian/, terdiri daripada “turun” dan “daftar” digunakan untuk “membuat pendaftaran”
/tai ekasan/	/tʰa:i ?e:kasa:n/, terdiri daripada “menyalin” dan “surat” digunakan untuk maksud “fotostep”
/ti? tɔ/	/tit tɔ:/, terdiri daripada “melekat” dan “hubung” digunakan untuk “menghubungi”
/prakan ciwi?/	/pra?ka:n cʰi:wit/, terdiri daripada “jaminan” dan “nyawa” digunakan untuk “insurans nyawa”

### 7.3.1.4 Pembentukan Istilah Campuran

Dalam dialek Patani, walaupun jumlahnya tidak begitu banyak, terdapat beberapa istilah campuran. Oleh sebab masyarakat Melayu Patani tidak mempunyai perbadanan bahasa, mereka terpaksa mencipta istilah dengan menggunakan daya cipta sendiri. Dengan kata lain, istilah jenis ini menunjukkan daya cipta istilah yang ada pada anggota masyarakat tersebut.

Kata-kata jenis ini terdiri daripada dua kata nama, bahagian teras dan bahagian yang menerangkannya. Biasanya untuk bahagian teras digunakan perkataan bahasa Melayu, dan diikuti oleh bahagian penerang dalam bahasa Thai. Tetapi terdapat juga istilah yang mempunyai bahagian teras perkataan bahasa Thai dan diikuti oleh perkataan bahasa Melayu.

**Jadual 7.8 Senarai Contoh Istilah Campuran**

Istilah	Kata-kata komponen dan maksud
bile? pa?cunj	bilik mesyuarat. /bile?/ dari DP “bilik” + /pa?cunj/ dari BT /pra?c“um/ yang bermaksud “mesyuarat”
ho? te	barang jati (bukan palsu). /ho?/ dari DP “yang, barang” + /te/ dari BT /t <sup>h</sup> e:/ yang bermaksud “jati, tidak palsu”
keto tu	kereta van. /keto/ dari BM “kereta” + /tu/ dari BT /tu:/ yang bermaksud “almari”
‘koloh matayon	sekolah menengah. /kkoloh/ dari DP “sekolah” + /matayon/ dari BT /matt <sup>h</sup> ayom/ yang bermaksud “menengah”
ku lawe	lawan, saingan. /ku/ dari BT /k <sup>h</sup> u:/ yang bermaksud “pasangan” + /lawe/ dari DP “lawan”
paj minyo?	stesyen minyak. /paj/ dari BT /pam/ yang bermaksud “pam” + /minyo?/ dari DP “minyak”

Kata-kata pinjaman daripada bahasa Thai yang terdapat dalam dialek Patani yang beribu-ribu jumlahnya tidak dapat diuraikan sepenuhnya dalam ruangan yang

terhad. Walaupun begitu, daripada penjelasan di atas, jelaslah bahawa kata-kata pinjaman daripada bahasa Thai memainkan peranan yang penting dalam komunikasi sehari-hari masyarakat Melayu Patani.

Satu perkara mustahak yang perlu diperhatikan dalam peninjauan mengenai kata-kata pinjaman bahasa Thai dalam dialek Patani ialah keadaan masyarakat penutur dialek berkenaan yang sedang mengalami peralihan. Oleh yang demikian, dalam penggunaan kata-kata pinjaman juga terdapat perbezaan antara penutur. Bunyi-bunyi yang dilambangkan dalam senarai-senarai di atas cuma salah satu daripadanya, tetapi perlu diperhatikan bahawa selain bentuk bunyi di atas (yang mengalami asimilasi hampir sepenuhnya), terdapat bunyi yang kurang diasimilasi, dan juga yang tidak diasimilasikan sama sekali. Bagi kata pinjaman yang diambil lama dan diasimilasikan sepenuhnya, bentuk saingen yang kurang diasimilasi tidak digunakan, seperti /səʔmɔ/ “sentiasa”, /bʰmɔ/ “doktor” dan sebagainya. Tetapi bagi kebanyakan istilah, bentuknya tidak mantap, dan bergerak antara bentuk yang diasimilasikan dengan bentuk asal bahasa Thai. Selain hal tersebut, bagi mengungkap sesetengah konsep, bentuk dialek Patani dan bentuk bahasa Thai berada dalam keadaan saingen dalam bentuk sinonim. Pemilihan antara kedua-duanya juga disebabkan oleh latar belakang peribadi, seperti pendedahan kepada bahasa Thai/Melayu, keadaan berbahasa dan seumpamanya.

### 7.3.2 Pengaruh Dalam

Bahasa Thai juga mempengaruhi sistem berbahasa anggota masyarakat penutur dialek Patani hingga ke peringkat dalaman. Pengaruh jenis ini dibahagikan

kepada dua tahap, iaitu peringkat pembentukan kata pinjaman terjemah dan peringkat susunan ayat.

### **7.3.2.1 Peminjaman Terjemah**

Dalam dialek Patani, terdapat beberapa kata majmuk yang terdiri daripada perkataan Melayu, tetapi mendukung makna yang sama dengan padanannya dalam bahasa Thai yang dihasilkan melalui peminjaman terjemah. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat penutur dialek Patani menerima sistem ungkapan bahasa Thai dalam bentuk terjemahan. Dengan demikian, boleh dikatakan bahawa gejala peminjaman terjemah menunjukkan pengaruh bahasa Thai dalam sistem pembentukan istilah masyarakat penutur dialek Patani.

Kata majmuk jenis ini jauh lebih kecil jumlahnya berbanding dengan kata pinjaman biasa. Kebanyakannya terdiri daripada kata majmuk, tetapi terdapat satu contoh yang diambil kata tunggal, iaitu perkataan /tʰpaʔ/ yang digunakan untuk mengungkapkan tarikh. Latar belakangnya kata majmuk bahasa Thai /wan tʰi:/ yang bermaksud “tanggal”. Di sini /wan/ bermaksud “hari”, tetapi unsur ini jarang sekali disebut, dan biasanya dibuang; manakala perkataan “tʰi:” (dengan nada suara menurun) pula mempunyai banyak maksud. Salah satu daripadanya “yang”, iaitu berfungsi sebagai kata hubung relatif. Dengan itu, istilah /wan tʰi:/ jika diterjemah terus bermaksud “hari yang ke-”. Tetapi pada masa yang sama perkataan ini juga mendakung maksud “tempat”. Oleh itu masyarakat Melayu Patani mengambil perkataan “tempat” untuk mengungkapkan tarikh, lalu lahirlah istilah /təpaʔ/ atau /paʔ/, bentuk konsonannya telah diaspirasikan, yang bermaksud “tanggal”. Tempat

istilah ini digunakan berlainan daripada perkataan “haribulan”, tetapi sama dengan istilah “tanggal”, iaitu disebut sebelum angka tarikh.

Selain itu terdapat beberapa contoh yang menarik seperti yang berikut.

**Jadual 7.9 Contoh Kata Pinjaman Terjemah Majmuk**

Bentuk DP	Bentuk Asal BT dan Maksud
/cayi sɔyɔ/	/ha: sian/, terdiri daripada perkataan yang bermaksud “cari” dan “suara”, digunakan untuk “kempen pilihan raya”
/talipon tane/	/tʰoraspə mu:tʰw:/, terdiri daripada perkataan yang bermaksud “telefon”, “tangan” dan “pegang”, digunakan untuk “telefon bimbit”
/tane duwɔ/	/muu: sɔ:n/, terdiri daripada perkataan yang bermaksud “tangan dua”, digunakan untuk “terpakai”
/təke duwi?/	/kət nə:n/, terdiri daripada perkataan yang bermaksud “tekan duit”, digunakan untuk “mengambil wang di Autoteller Machine”

Secara kesimpulannya, pengkaji berpendapat bahawa masyarakat penutur dialek Patani menerima pengaruh daripada bahasa Thai, bukan sahaja dalam bentuk kata pinjaman, tetapi juga dari segi kegemaran dalam hal penciptaan istilahnya sendiri.

### 7.3.2.2 Pengaruh terhadap Susunan Ayat

Bahasa Thai juga mempengaruhi struktur ayat dialek Patani. Pada asasnya dialek Patani (dan juga dialek Kelantan) mempunyai beberapa struktur ayat yang mirip dengan bahasa Thai.

Kecenderungan ini paling kerap apabila membentuk ayat yang mengandungi kata kerja bantu aspek masa /dɔŋ/ ‘sudah’ susunannya amat mirip dengan bahasa Thai seperti dalam contoh di bawah:

- DP /demə besə gi bako? bəyapə kali də<sup>h</sup>/  
 BT /kun kə:i pai kruŋt<sup>h</sup>e:p ki: k<sup>h</sup>raŋ le:u/  
 (kamu pernah pergi Bangkok berapa kali sudah)  
 BM Kamu (sudah) pernah pergi ke Bangkok berapa kali?

- DP /banyɔ? kali də<sup>h</sup>/  
 BT /la:I k<sup>h</sup>rang le:u/  
 (banyak kali sudah)  
 BM Sudah banyak kali

- DP /deme make nasi də<sup>h</sup> kə də? lagi/  
 BT /k<sup>h</sup>un kin k?au leu rtu: yan/  
 (kamu makan nasi sudah atau belum)  
 BM kamu sudah makan nasi atau belum?

- DP /make də<sup>h</sup>/  
 BT /kin le:u/  
 (makan sudah)  
 BM Sudah makan.

Soal sama ada kedudukan kata kerja bantu yang tersendiri pada dialek Patani dan dialek Kelantan ini merupakan persoalan sukar dijawab, dan memerlukan peninjauan yang lebih terperinci. Selain itu, dalam dialek Patani terdapat satu gejala yang tidak terdapat dalam dialek-dialek lain, iaitu penggunaan kata kerja bantu yang dipengaruhi oleh bahasa Thai. Kata kerja bantu di sini bukan “kata kerja bantu” yang digunakan dalam bahasa Melayu, tetapi kata kerja itu sendiri yang berfungsi untuk menerangkan kata kerja yang menjadi inti dalam ayat. Penggunaan ini pula muncul dalam dialek Patani, seperti dalam contoh yang berikut:

- DP /gano demə tə? torasa mayi kemai?/  
 BT /t<sup>h</sup>ammai k<sup>h</sup>un mai t<sup>h</sup>o: ma muua wa:n?/  
 (kenapa kamu tidak telefon mari semalam)  
 BM Kenapa kamu tidak telefon (pada aku) semalam?

DP /nati huŋe tuŋunj mayi/

BT /diau fən tok ma/

(nanti hujan turun mari)

BM Nanti hujan turun.

(penjual di pasar)

DP /keca teno? dulu./

BT /cʰim du: kʰɔ:n.

(rasa tengok dulu)

BM Cuba rasa dulu.

Di samping itu, kata kerja /mayi/ (datang), /gi/ (pergi), /kəli?/ (balik) juga kerap kali ikuti oleh kata sendi nama /di/. Ini juga pengaruh daripada bahasa Thai.

Contoh:

DP /diyɔ talipon mayi di yuməh./

BT /kʰau tʰo: ma thi: ba:n./

(dia telefon datang di rumah)

BM Dia telefon ke rumah.

DP /hə? ni nə? hata gi di malesia./

BT /an ni: ca? soŋ pai thi: ma:le:sia./

(yang ini hendak hantar pergi di Malaysia)

BM Yang ini hantar ke Malaysia.

DP /nə? gi di tanakarj səta./

BT /ca pai ti tʰana:kʰa:n sak kʰru:/

(nak pergi di bank sebentar )

BM Nak pergi ke bank sebentar.

DP /kle? dumoh/ (bentuk /kle? di yumo/ yang diaspirasikan konsonannya)

BT /klap thi: ba:n./

(balik di rumah)

BM Balik ke rumah.

Di sini jelaslah bahawa unsur-unsur kata kerja tambahan (yang diberi garis bawah) diselitkan dalam ayat-ayat bahasa Melayu, dan memainkan peranan tertentu. Perkara yang perlu diperhatikan ialah kedudukannya dalam ayat benar-benar sama dengan bahasa Thai. Gejala ini menunjukkan bahawa bahasa Thai mempengaruhi sistem berbahasa penutur dialek Patani di peringkat yang mendalam.

Daripada perbincangan di atas boleh disimpulkan bahawa bahasa Thai mempengaruhi dialek Patani bukan setakat kosa kata, malah kecenderungan pembentukan istilah serta susunan ayat turut dipengaruhi bahasa Thai.

Di sini, pengkaji hendak menambah satu contoh yang amat menarik yang menunjukkan sistem berbahasa yang dimiliki oleh penutur dialek Patani. Dalam satu siaran radio dari rakaman ceramah di sebuah masjid, penceramah menegaskan beberapa perkara yang penting dalam agama Islam, seperti keimanan, ketaatan, kebersihan, kemesraan dan sebagainya, iaitu nilai-nilai yang disanjung tinggi dalam agama Islam. Untuk menyebut hal-hal tersebut, apitan ‘ke- ... -an’ tidak digunakan, sebaliknya digantikan dengan kata dasar atau istilah bahasa Thai. Apabila beliau hendak menyebut sesuatu konsep mujarad yang dalam bahasa Melayu biasanya di sebut dengan ‘ke- ... -an’ ini, beliau mengatakan, /kwa:m, kwa:m gapɔ?/. /Kwa:m/ yang disebut oleh beliau merupakan satu unsur pembentukan kata terikat (dalam bentuk bahasa Thai diserta dengan hembusan nafas, iaitu /kʰwa:m/) yang membentuk kata nama abstrak, yang fungsinya hampir sama dengan apitan ‘ke- ... -an’ dalam bahasa Melayu. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa bagi penceramah tersebut, penggunaan /kwa:m/ lebih mudah atau difikir oleh beliau lebih sesuai untuk pendengar biasa, yang antaranya ada yang berpendidikan bahasa Thai (buta huruf

bahasa Melayu). Pada masa yang sama, gejala ini juga menunjukkan bahawa bagi sesetengah orang, imbuhan yang rumit seperti apitan menjadi agak asing atau sukar difahami. Lalu imbuhan-imbuhan demikian digantikan dengan unsur bahasa Thai yang mungkin lebih mudah difahami. Ini juga menunjukkan bahawa sistem berbahasa bagi masyarakat penutur dialek Patani, terutamanya untuk mengungkapkan hal-hal yang agak abstrak, unsur pinjaman daripada bahasa Thai lebih lazim digunakan.

#### **7.4 Penutup**

Adalah amat sukar untuk menggambarkan keadaan sistem berbahasa yang dimiliki oleh anggota masyarakat penutur bahasa Melayu dialek Patani secara umum. Seperti yang lazim di dalam mana-mana masyarakat dwibahasa, di dalam masyarakat Melayu Patani juga terdapat beberapa peringkat penguasaan kedwibahasaan antara anggotanya. Tambahan lagi, masyarakat tersebut juga sedang berada dalam zaman peralihan antara sistem pendidikan lama dengan sistem baru. Secara kasar, kemampuan berbahasa antara anggota masyarakat tersebut boleh dibahagikan kepada dua, iaitu golongan ekabahasa dan golongan dwibahasa. Golongan dwibahasa juga boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat seperti halnya di Malaysia.

Tetapi di sini timbul satu masalah, iaitu tentang kemampuan dialek Patani. Oleh sebab dialek Patani merupakan bahasa basahan yang tidak mempunyai sistem tulisan, maka tiada ukuran yang dapat mengukur kemampuan seseorang penutur dari segi bahasa tulisan. Bahasa tulisan yang digunakan dalam buku (yang kebanyakannya

tulisan Jawi) ialah bahasa Melayu baku, dan ciri-ciri kedaerahan, baik dari segi bunyi maupun dari segi kosa kata, amat sukar dikesani.

Tambahan lagi, muda mudi yang berpendidikan Thai kebanyakannya tidak dapat menulis dalam bahasa Melayu. Di samping itu, mereka yang berpendidikan Thai tidak mengalami penilaian kemampuan bahasa Melayu seperti yang dilakukan di Malaysia. Oleh yang demikian, kemampuan bahasa Melayu yang dimiliki oleh semua anggota masyarakat Melayu Patani ialah kemampuan dalam bahasa lisan, dan kemampuan bahasa Melayu tulisan terhad kepada mereka yang berpendidikan di sekolah pondok atau sekolah swasta yang mengajar agama Islam (bekas pondok).

Kemampuan bahasa Thai bagi golongan dwibahasa ini juga berbagai-bagai, dan bergantung kepada pendedahan terhadap bahasa Thai serta peringkat pendidikan. Satu perkara yang menarik mengenai pengaruh bahasa Thai terhadap bahasa Melayu ialah pengambilan beberapa unsur bunyi daripada bahasa Thai, terutamanya gabungan konsonan seperti /tr/, /pr/ dan /kw/. Walaupun sesetengah penutur menyelitkan vokal /ə/ antara kedua-dua gabungan konsonan, tetapi secara umumnya mereka yang berpendidikan Thai dapat menyebut unsur bunyi tersebut tanpa menyelit bunyi vokal, sama seperti penutur asli bahasa Thai.

Mereka yang berpendidikan Thai, iaitu golongan yang lahir setelah sistem pendidikan baharu dilaksanakan, dapat bertutur bahasa Thai yang sistem fonologinya amat berlainan daripada dialek Patani, terutamanya dalam hal konsonan penutup suku kata seperti /-k/, /-m/, /-n/, /-p/ dan /-t/. Sesetengah daripada penutur dialek Patani menyebut konsonan penutup suku kata dalam kata pinjaman daripada bahasa Thai.

Tetapi bagi kata-kata pinjaman yang sudah lazim, bunyi /-k/, /-p/ dan /-t/ diganti dengan hentian glotal (/ʔ/) dan bunyi /-m/ dan /-m/ pula diganti dengan /-ŋ/. Dalam perbincangan di atas tentang kata-kata pinjaman, pengkaji sengaja menyenaraikan bentuk-bentuk yang telah diasimilasikan dengan bahasa Thai sahaja. Golongan yang menggunakan bentuk pinjaman daripada bahasa Thai cuma golongan ekabahasa yang tidak berpendidikan bahasa Thai. Tetapi kata-kata pinjaman tersebut juga disebut mengikut bunyi asal bahasa Thai, iaitu disebut tanpa diasimilasikan.

Sebaliknya, bunyi bahasa Thai yang disebut oleh orang Melayu pula mengandungi ciri-ciri bunyi yang dipengaruhi oleh dialek Patani. Tetapi hal ini bergantung kepada kemahiran berbahasa Thai. Mereka yang kurang mahir dalam bahasa Thai jelas menunjukkan ciri-ciri kemelayuan dalam bahasa Thai yang disebutnya, seperti kehilangan unsur nada suara (atau kurang jelas nada suaranya), kehilangan hembusan nafas di belakang konsonan tertentu (/k/, /p/ dan /t/), kemasukan vokal /ə/ antara deretan konsonan dan sebagainya. Perbincangan dalam bahagian ini dirumuskan dalam rajah di bawah:

**Jadual 7.10 Susunan *Langue* Anggota Masyarakat Melayu Patani**

